



Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "**Berita PESUTM**". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. **Berita PESUTM** ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan **Berita PESUTM** ini hanya dalam bentuk digital.

Majlis
bacaan yasin, tahlil dan doa arwah
dipimpin Haji Ansar Sidek
anjuran
Persatuan Pesara UTM
23 Disember 2023
9.00 mlm

Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa diharapkan dapat meningkat dan mengukuhkan rohani di samping mendapat pelbagai keutamaan dan kelebihan seperti yang dijanjikan oleh Rasulullah SAW melalui hadisnya. Semoga kita dapat meraih pahala dan kejayaan di dunia dan akhirat melalui amalan ini.

AHLI JAWATANKUASA & BIRO PESUTM 2023-2025

YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus (012-722 7429)

TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamad (016-733 2345)

SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani (019-712 4394)

PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek (019-656 5205)

BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun (019-778 2613)

PENOLONG BENDAHARI

Dr. Hafizah Harun (017-682 4772)

BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan (019-734 8735) | **Ketua**

Haji Bakri Mohd Dahlan (017-790 4489)

Cik Siti Zaiton Borham (019-365 7356)

BIRO EKONOMI

Puan Kasuma Masjuriah B. Basar (019-713 1743) | **Ketua**

Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris (019-728 8000)

En. Muhammad Saad Sulaiman

Puan Faridah Hussein

En. Abdul Hadi Othman

En. Othman Adon

BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

Haji Dahari Derani (019-731 0674) | **Ketua**

Haji Zainal Abidin Hassan (019-756 5751)

Puan Abrizah Abd. Rahim (017-700 1600)

Puan Ramlah Husin (019-780 0244)

En. Abdul Wahab Laberahimah

En. Razali Jantan

BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismaail Samat (012-707 8574) | **Ketua**

Haji Zainul Rashid Abu Bakar (013-773 6563)

Haji Md Noh Main

En. Mohd Sofian Mohd Amran

Haji Abdul Razib Haji Shahuddin

SKUDAI UTM | 23 Disember 2023

Buat julung kali Persatuan Pesara UTM mengambil inisiatif mengadakan Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Arwah secara dalam talian.

Kebersamaan, ukhuwah dan keakraban dalam kalangan ahli Persatuan Pesara UTM (PESUTM), yang terjalin sekian lama sejak alam pekerjaan lagi terungkap jelas dan ketara semasa mesyuarat agung tahunan, sambutan majlis jamuan hari raya dan lain-lain majlis anjuran PESUTM. Justeru saat pemergian seseorang sahabat, runtunan perasan dek jalinan keakraban dan ikatan ukhuwah pastinya dirasakan dengan mendalam. Atas asas ini, dengan rasa kepedulian, rasa kekitaan, ikatan ukhuwah dan persahabatan maka diadakan Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Arwah ini.

Majlis bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Arwah menerusi dalam talian ini diadakan pada 23 Disember 2023, jam 9.00 malam dengan dipimpin oleh Haji Ansar Sidek, Penolong Setiausaha Persatuan Pesara UTM. Seramai kira-kira lebih 20 orang ahli turut serta dalam majlis yang mengambil masa sekitar setengah jam.

Ringkasnya majlis ini diadakan dengan niat untuk mendoakan kesejahteraan buat sahabat yang terlebih dahulu menemui penciptanya. Oleh yang demikian, tentunya inisiatif ini menyasarkan pahala yang diperoleh dihadiahkan kepada arwah yang dihajatkan iaitu Allahyarhamah Zainab Ramli (0502), Allahyarham Haji Jamil Yusof (0048), Allahyarhamah Asiah Jusoh (0431), Allahyarham Zakaria Abu Zarim (0615), Allahyarham Ibrahim Tintom (0212), dan Allahyarham Haji Aziz Nordin (0541). Selain itu, penganjuran ini bertujuan mengekalkan ikatan ukhuwah waris arwah dengan ahli persatuan lain.

Sepintas lalu tentang arwah yang dihajatkan. Allahyarhamah Dr. Zainab Ramli mantan staf Jabatan Kimia, Fakulti Sains telah kembali ke rahmatullah pada 15 September 2023. Allahyarham Haji Jamil Yusof, mantan staf Jabatan Kimia Fakulti Sains, kembali ke rahmatullah pada 22 November 2023.

Allahyarhamah Asiah Jusoh pernah menabur khidmat sebagai Pelukis Pelan atau Penolong Pegawai Seni Reka di Jabatan Harta Bina UTM, kembali ke rahmatullah pada 23 November 2023 di kediaman beliau di Macang Kelantan. Allahyarham Haji Zakaria Abu Zarim, mantan staf Perpustakaan Sultanah Zanariah, kembali ke rahmatullah pada 5 Disember 2023. Allahyarham Hj Ibrahim Tintom, mantan staf Jabatan Kimia, Fakulti Sains kembali ke rahmatullah pada 20 Disember 2023 dan Allahyarham Aziz Nordin mantan staf Fakulti Pendidikan, kembali ke rahmatullah pada 24 Disember 2023.

Diakhir majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Arwah ini saudara Roslan selaku Setiausaha PESUTM merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli yang turut serta mengimarahkan majlis dan berharap majlis seperti ini dapat PESUTM diteruskan lagi pada masa akan datang.

